



## **TEKS UCAPAN**

**YB DATO' ROSOL BIN WAHID**  
TIMBALAN MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN HAL EHWAL PENGGUNA

**PERASMIAN PENUTUP PROSENIUM PENGGUNA**  
**INSTITUT PENGAJIAN TINGGI AWAM (IPTA)**  
**TAHUN 2022**

**23 OGOS 2022**  
**UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA**  
**SELANGOR**

## **[SENARAI SALUTASI]**

**Yang Berbahagia Datin Roszanina Wahab**

Timbalan Ketua Setiausaha (Pendayaupayaan Pengguna dan Pengurusan) KPDNHEP

**Yang Berbahagia Profesor Madya Dr. Mohd Suzeren Md Jamil**

Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UKM

**Yang Berbahagia Timbalan-timbalan Naib Canselor**

**Hal Ehwal Pelajar Universiti Awam**

**Yang Berusaha Encik Adiratno Che Ani**

Pengarah Bahagian Gerakan Kepenggunaan, KPDNHEP

**Yang Berusaha Puan Siti Syarina Abdul Khalid**

Pegawai Kebudayaan, Pusat Kebudayaan UKM Merangkap

Penyelaras Projek Pertandingan Teater Prosenium Pengguna Universiti Awam Malaysia 2022

Barisan Pegawai-pegawai Kanan KPDNHEP, Majlis Kebudayaan Universiti-universiti Malaysia (MAKUM) dan UKM

Para peserta Pertandingan Teater Prosenium Pengguna Universiti Awam Malaysia 2022

Serta hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian.

1. Alhamdulillah, bersyukur kita kehadiran Allah SWT di atas limpah dan kurniaNya dapat kita bersama di **Majlis Perasmian Penutup Prosenium Pengguna IPTA Tahun 2022** pada malam ini.

2. Saya juga ingin merakamkan setinggi penghargaan di atas inisiatif dan usaha yang telah digerakkan melalui kerjasama strategik pelbagai pihak melibatkan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Majlis Kebudayaan Universiti-universiti Malaysia (MAKUM) serta Pusat Kebudayaan Universiti Kebangsaan

Malaysia (UKM) dalam menjayakan program kita pada tahun ini. Selain itu, setinggi penghargaan juga dizahirkan kepada tuan rumah majlis perasmian program pada malam ini iaitu Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) di atas komitmen, bantuan dan kerjasama yang telah diberikan dalam menjayakan **Prosenium Pengguna IPTA Tahun 2022**.

3. Alhamdulillah, selepas dua tahun pelbagai perancangan tergendala kerana Perintah Kawalan Pergerakan disebabkan pandemik COVID-19, akhirnya pada tahun ini kita diberi rezeki dan peluang untuk menganjurkan **satu pertandingan seni teater bertema kepenggunaan yang pertama kali seumpamanya diadakan**, yang dinamakan sebagai **Prosenium Pengguna IPTA**. Saya dimaklumkan tahun 2022 merupakan tahun pertama pihak KPDNHEP dan MAKUM bekerjasama dalam penganjuran **Prosenium Pengguna IPTA** secara

bersama. Kerjasama baik antara Kementerian dan pihak universiti sebegini sememangnya selari dengan hasrat dan dasar Kementerian. Syabas dan tahniah saya ucapkan.

4. Untuk makluman semua, KPDNHEP sentiasa merancang dan melaksanakan pelbagai program kepenggunaan melalui pelbagai kaedah dan saluran untuk memberi kesedaran kepenggunaan kepada Keluarga Malaysia. Ini bertujuan melahirkan komuniti pengguna Malaysia yang berdayaupaya dan sentiasa cakna akan hak masing-masing sebagai pengguna.

5. Sehubungan itu, lahirlah idea untuk kelainan yang dibawakan kali ini. KPDNHEP berpandangan medium pementasan teater boleh dijadikan sebagai salah satu saluran untuk mendidik pengguna seterusnya secara tidak langsung dapat

merencanakan industri teater Malaysia terutama teater kampus yang dilihat semakin sepi.

### **Hadirin dan Hadirat yang dikasihi sekalian,**

6. Saya difahamkan penganjuran **Prosenium Pengguna IPTA Tahun 2022** telah dilaksanakan mengikut zon secara berperingkat bermula di Universiti Malaya pada 29 Julai 2022 dan malam kemuncaknya adalah di UKM. Pada tahun ini, sebanyak 11 IPTA di seluruh negara merangkumi 200 peserta telah mengambil bahagian.

7. Tema kepenggunaan telah diangkat sebagai tema utama pementasan dengan penekanan kepada **empat (4) modul kepenggunaan** iaitu perlindungan pengguna, pengurusan kewangan berhemah, pemakanan sihat dan kelestarian alam sekitar. Pelbagai isu kepenggunaan seperti isu *scam*, penjualan barang tiruan, manipulasi harga barangan,

pencemaran alam sekitar dan sebagainya telah diketengahkan di dalam naskhah pementasan teater pada kali ini.

8. Saya ucapkan tahniah kepada semua IPTA yang telah memberikan komitmen yang tinggi untuk mempersembahkan naskhah teater yang berkualiti dan menunjukkan bakat teater yang boleh diketengahkan ke peringkat yang lebih tinggi.

9. Saya juga dikhabarkan bahawa persaingan adalah sangat sengit di antara kesemua IPTA yang telah mengambil bahagian. Sekiranya **Prosenium Pengguna IPTA** boleh dijadikan kayu pengukur terhadap masa depan teater negara, sememangnya negara tidak perlu bimbang kerana kita terbukti mempunyai ramai pelapis kepada industri teater negara. Sekali lagi saya ucapkan tahniah dan syabas kepada 11 IPTA yang bertanding.

**Hadirin dan Hadirat yang dikasihi sekalian,**

10. Saya ingin menarik perhatian hadirin sekalian terhadap **Kajian Indeks Pendayaupayaan Pengguna (CEI)** yang berada pada tahap **63.1%**. Indeks ini menunjukkan bahawa pengguna di negara kita masih belum benar-benar menghayati dan mempraktikkan hak-hak mereka sebagai pengguna.

11. Justeru, KPDNHEP selaku Kementerian yang bertanggungjawab terhadap pengguna sentiasa menyokong penuh segala aktiviti kepenggunaan yang dilaksanakan oleh pelbagai pihak sebagaimana yang dilaksanakan oleh pihak MAKUM bagi menjayakan Prosenium Pengguna ini.

12. KPDNHEP sentiasa berusaha untuk memperkasakan program advokasi kepenggunaan termasuk melalui kerjasama strategik dengan



pelbagai pihak. Sebagai contoh, di bawah KPDNHEP terdapat dua (2) persatuan yang melibatkan penglibatan belia iaitu Kelab Pengguna Sekolah (KPS) dan Gerakan Pengguna Siswa (GPS). Dua persatuan ini merupakan platform terbaik bagi pihak Kementerian untuk berinteraksi secara langsung dengan para belia melalui pelbagai aktiviti kepenggunaan bersama mahasiswa dan mahasiswi yang akan menjadi pelapis kepada masa depan negara.

**13. Saya sendiri telah beberapa kali mengadakan pertemuan dan sesi dialog bersama GPS. Secara peribadi saya berbangga melihat kesungguhan dan semangat anak-anak mahasiswa, malah sebahagian besar mempunyai pengetahuan yang cukup baik dalam isu-isu kepenggunaan semasa.**

14. Sebagai seorang mahasiswa, peranan saudara dan saudari amat penting. Saya menganggap anak-anak mahasiswa sekalian adalah **duta kecil** bagi KPDNHEP dan boleh berperanan sebagai **mata dan telinga Kerajaan** dalam menyebarkan ilmu kepenggunaan serta meningkatkan kesedaran berkaitan hak-hak pengguna di kalangan Keluarga Malaysia.

15. **Ilmu dan maklumat kepenggunaan yang anda perolehi, kongsi**kanlah dengan keluarga, rakan-rakan dan orang sekeliling. **Bantu mereka untuk lebih faham isu-isu kepenggunaan semasa dan hak sebagai pengguna, kerana pengguna yang bestari dapat mewujudkan ekosistem ekonomi yang harmoni. Kenapa saya kata begitu, kerana pengguna yang bijak dan tahu hak akan bertindak merancang perbelanjaan, mengutamakan keperluan berbanding kehendak,**

**tidak melakukan pembelian panik dan membuat perbandingan harga sebelum membeli barangan. Ini semua dapat mengelakkan pembaziran dan pembelian berlebihan yang boleh mengundang kepada gangguan bekalan di pasaran yang sekaligus akan menjejaskan kestabilan harga terutama ketika berlaku sesuatu krisis.**

**16. Pengguna bestari juga akan peka dengan hak mereka dan pantas membuat aduan ke saluran rasmi disediakan Kementerian supaya tindakan boleh diambil terhadap peniaga yang menganiaya atau menindas pengguna. Secara tidak langsung peniaga akan lebih bertanggungjawab untuk menjalankan perniagaan dengan penuh etika. Lebih manis lagi, pengguna yang bijak juga akan mengutamakan pembelian barangan tempatan yang setanding kualiti dengan jenama luar, tetapi boleh dibeli**

**pada harga lebih munasabah dan rendah. Jika tidak kita yang menyokong produk tempatan, siapa lagi?**

**17. Seiring kepesatan teknologi dan peralihan kepada pembelian dalam talian mutakhir ini, pengguna juga perlu lebih peka dan berhati-hati kerana semakin pantas teknologi berkembang, semakin luas juga ruang untuk mereka yang tidak bertanggungjawab mengambil kesempatan.**

18. KPDNHEP juga menggerakkan pelbagai usaha dan advokasi kepenggunaan untuk mendidik pengguna untuk mempraktikkan hak-hak pengguna dengan lebih berkesan dan berani bertindak untuk mempertahankan hak mereka sebagai pengguna. Antaranya mempelbagaikan saluran aduan rasmi, menguar-uarkan peranan **Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia (TTPM)** sebagai platform

alternatif kepada mahkamah sivil untuk pengguna menfailkan tuntutan tebus rugi bagi pembelian barang dan perkhidmatan dengan nilai sehingga **RM 50,000** dan menggalakkan penggunaan aplikasi perbandingan harga **Price Catcher**.

19. Kementerian turut aktif mempromosikan **Aplikasi MySales Tracker** untuk pengguna membuat semakan aktiviti jualan murah dan memperhebatkan advokasi kepenggunaan dalam pelbagai saluran sama ada media sosial, media elektronik, medium pengangkutan serta kerjasama dengan pempengaruh digital (*digital influencer*) bagi menyebarkan pendidikan kepenggunaan.

**Hadirin dan Hadirat yang dikasihi sekalian,**

20. **Dalam tempoh dua tahun lalu, dunia dan tidak terkecuali Malaysia melalui situasi sukar apabila berdepan cabaran pandemik COVID-19**

**dan kini kesan inflasi global. Krisis ini tidak pernah dialami oleh mana-mana kerajaan sebelum ini, namun Alhamdulillah kerajaan yang ada hari ini berjaya mengharunginya tanpa mengabaikan kebajikan rakyat pelbagai lapisan.**

**21. Pelbagai program subsidi dan bantuan kewangan diberikan untuk membela kebajikan dan mengurangkan beban kos sara hidup rakyat. Tidak pernah sebelum ini kerajaan berbelanja lebih RM1 bilion untuk memberi subsidi ayam dan telur, tetapi hasil keprihatinan kerajaan kini, rakyat masih boleh mendapatkan harga ayam dan telur pada harga munasabah walaupun seisi dunia mengalami lonjakan harga sumber makanan utama itu.**

**22. Begitu juga dengan minyak masak. Jika sebelum ini kerajaan hanya memberi subsidi**

untuk minyak masak dalam polibeg yang dijual serendah RM2.50, selama 11 bulan sejak Ogos 2021 kerajaan memperkenalkan subsidi sementara minyak masak dalam botol, tidak lain dan tidak bukan untuk memastikan rakyat dapat membeli bahan mentah itu pada harga terendah, walaupun sebenarnya harga minyak sawit mentah ketika itu melonjak sehingga mencecah RM8,000/ tan. Hari ini, Kementerian laksanakan pula penetapan harga maksimum minyak masak untuk ringankan bebanan rakyat dalam mendapatkan barang keperluan ini. Sebagaimana dilaporkan sebelum ini, unjuran perbelanjaan subsidi dan pelbagai bantuan kerajaan dianggarkan RM77.3 bilion, terbesar dalam sejarah negara.

23. Sama juga halnya dengan minyak petrol RON95 yang kita bayar pada harga serendah

**RM2.05/liter, jauh lebih rendah berbanding harga tanpa subsidi iaitu lebih RM4/liter ketika ini. Bayangkan subsidi besar yang ditanggung kerajaan untuk mengurangkan bebanan rakyat. Namun seringkali kita terlupa akan nikmat yang kita rasai ini.**

**24. Langkah-langkah intervensi yang dilaksanakan kerajaan ini juga membantu pemulihan ekonomi negara lebih lancar selepas cabaran pandemik COVID-19 dan menstabilkan tekanan inflasi global yang mana Malaysia antara negara merekodkan kadar inflasi terendah di dunia.**

**25. Oleh itu, saya harap anak-anak mahasiswa sekalian dapat menjalankan peranan membantu sebarkan maklumat-maklumat sebegini dalam menyuntik kesedaran kepenggunaan dan rasa**



**tanggungjawab yang lebih mendalam kepada negara.**

26. Akhir kata, saya sekali lagi ingin merakamkan setinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan program kita pada kali ini. Ucapan tahniah dan syabas saya ucapkan kepada semua pemenang yang akan diumumkan sebentar lagi.

27. Jadilah pengguna yang bijak, tahu hak dan berani bertindak mempertahankan hak saudara dan saudari sebagai pengguna.

Dengan lafaz yang mulia Bismillahirrahmanirahim, saya dengan sukacita merasmikan **MAJLIS PENUTUP PROSENIUM PENGGUNA INSTITUT PENGAJIAN TINGGI AWAM (IPTA) TAHUN 2022.**

*Wabillahittaufik walhidayah, Wassalamualaikum  
warahmatullahi wabarakatuh.*

**Sekian, Terima kasih.**